Yee Kah Bao dan satu lagi lwn Lau Choon Hong

A

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN SIVIL NO 12B-206 TAHUN 2011
KAMARDIN HASHIM H
30 JULI 2012

B

Ganti rugi — Rayuan — Rayuan terhadap award yang diberikan — Award mahkamah sesyen — Kemalangan — Perayu diperiksa oleh tiga orang doktor — Sama ada terdapat kemajuan — Laporan kesihatan yang kredibel untuk dijadikan sandaran — Jumlah adil bagi ganti rugi am — Sama ada award bagi kecederaan-kecederaan wajar diasingkan — Kos penjagaan tahun pertama selepas kemalangan — Jumlah award wajar bagi kehilangan upaya pendapatan masa akan datang — Sama ada award kos rawatan fisioterapi berpatutan

C

D

Rayuan ini timbul akibat satu kemalangan jalan raya pada tahun 2008 yang mana hakim mahkamah sesyen ('hakim bicara') telah memberikan award sebanyak RM100,000 kepada perayu pertama sebagai ganti rugi am; RM16,200 bagi kos penjagaan sebelum bicara; RM162,000 bagi kos penjagaan selepas bicara; RM50,000 bagi kehilangan upaya pendapatan masa akan datang; dan RM12,960 sebagai kos rawatan fisioterapi. Tidak berpuas hati, perayu pertama merayu terhadap item-item yang diawardkan oleh hakim bicara. Perayu pertama telah dirujuk kepada tiga orang doktor pakar. Setahun selepas kemalangan, perayu telah diperiksa oleh Dr Hasnahbi dan didapati bahawa dia mengalami kecederaan parah pada bahagian kepala; kaki kirinya lemah; mengalami pertukaran personaliti; memerlukan bantuan dalam kehidupan seharian dan kecederaannya adalah bersifat kekal. Dua setengah tahun selepas kemalangan, doktor yang dilantik oleh responden ('Dr Vickneswaran') telah memeriksa perayu pertama dan memberi keterangan bahawa terdapat beberapa kemajuan. Pada masa yang sama, perayu pertama telah dirawat oleh Dr Chee Wee Liam ('Dr Chee') antara tahun 2008 hingga 2011. Dr Chee telah merekodkan kemajuan kesihatan perayu pertama. Namun begitu, dalam rayuan ini, perayu pertama telah bersandarkan pada laporan Dr Hasnahbi dan Dr Vickneswaran dan mempertikaikan jumlah yang adil bagi ganti rugi am; sama ada hakim bicara gagal memberikan award berasingan bagi kecederaan-kecederaan yang dialami; kos penjagaan tahun pertama selepas kemalangan; kehilangan upaya pendapatan masa akan datang; dan kos rawatan fisioterapi.

E

F

G

H

I

Diputuskan, menolak rayuan dengan kos sebanyak RM1,000:

(1) Laporan oleh Dr Chee lebih tepat dan terperinci menerangkan kecederaan dan disabiliti yang dialami oleh perayu pertama. Laporan

pakar oleh Dr Vickneswaran dan Dr Hasnahbi telah disediakan berdasarkan kepada pemeriksaan mereka ke atas perayu pertama pada satu hari pertemuan yang dijanjikan sahaja. Oleh itu, adalah wajar laporan pakar oleh Dr Chee diterima dan diambil kira keutamaannya dalam menentukan kuantum ganti rugi am yang wajar diberikan kepada perayu pertama. Hakim bicara tidak khilaf dan tidak tersalah arah apabila menerima pakai laporan pakar oleh Dr Chee dalam kes ini. Oleh itu, award sebanyak RM100,000 yang telah diberikan oleh hakim bicara kepada perayu pertama dalam kes ini adalah munasabah, tanpa khilaf dan wajar dipertahankan (lihat perenggan 13).

(2) Hakim bicara telah pun mengambil kira item-item dan tidak khilaf semasa memberikan award untuk kuantum ganti rugi am dengan bergantung kepada autoriti dalam kes *Tan Cheong Poh & Anor v Teoh Ah Keow* [1995] 3 MLJ 89 di mana Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa award ganti rugi am hendaklah diberikan secara *lump sum* tanpa mengasingkan residual dan *disability* daripada kecederaan yang telah dialami lebih-lebih lagi sekiranya terdapat pertindihan. Beberapa item yang dibangkitkan oleh perayu pertama adalah item-item yang bertindih dengan kecederaan utama (lihat perenggan 17).

(3) Adalah tidak wajar untuk membenarkan apa sahaja jumlah yang dilontarkan oleh pihak menuntut sebagai kos penjagaan. Mahkamah masih mempunyai kuasa budi bicara untuk menentukan apakah jumlah yang munasabah untuk kos penjagaan berdasarkan fakta dan keadaan dalam kes tertentu. Walaupun seseorang itu memerlukan kepada kos penjagaan, tidak bermakna dia berhak untuk mendapatkan apa sahaja jumlah yang dibelanjakan demi untuk menyembuhkan pesakit tersebut. Tentunya ada had untuk sesuatu ganti rugi yang berasaskan kepada budi bicara mahkamah untuk membenarkannya dan tidak seharusnya dibenarkan dengan sewenang-wenangnya. Faktor keperluan perayu pertama kepada penjagaan adalah faktor penentu utama dalam tuntutan untuk kos penjagaan (lihat perenggan 27).

(4) Perayu pertama hendaklah membuktikan tuntutan ini dengan kukuh dan ketat bahawa dia mempunyai pekerjaan dan pendapatan daripadanya. Perayu pertama gagal membuktikan bahawa pada tarikh kemalangan, dia mempunyai pendapatan. Hakim bicara telah mengambil kira perayu pertama pernah bekerja dalam tahun 2004 dan 2005 dan telah membenarkan RM50,000 sebagai kehilangan upaya pendapatan masa akan datang. Oleh itu pengiraan yang disyorkan oleh perayu pertama tidak dapat dilakukan kerana jumlah pendapatan bulanannya pada tarikh kemalangan atau sebelum kemalangan tidak dapat dibuktikan. Keputusan yang diambil oleh hakim bicara tersebut adalah wajar dan jumlah RM50,000 yang diberikan adalah satu angka yang munasabah (lihat perenggan 30).

(5) Keterangan menunjukkan bahawa perayu pertama memerlukan terapi asas dan ekstensif dan selepas tiga tahun menjalankan terapi asas dan ekstensif, perayu pertama tidak lagi memerlukan terapi ekstensif. Selain itu perayu pertama juga dikatakan telah boleh menjalankan terapi secara bersendirian. Oleh itu, jelas bahawa perayu pertama sebenarnya tidak memerlukan fisioterapi sepanjang hayatnya. Perayu pertama bukanlah dalam keadaan 'bedridden' dan boleh bergerak ke sana dan ke sini dengan sendiri tanpa perlu pertolongan orang lain dan ini membolehkan peredaran darah dengan lebih lancar. Oleh itu tempoh enam tahun yang diputuskan oleh hakim bicara adalah memadai dan berpatutan (lihat perenggan 32).

[English summary

This appeal arose from a road traffic accident in 2008 in which the sessions court judge ('the trial judge') awarded the amount of RM100,000 to the first appellant as general damages, RM16,200 for the costs of care before the trial; RM162,000 for the costs of care after the trial; RM50,000 for loss of future income; and RM12,960 for the costs of physiotherapy treatment. Not satisfied, the first appellant appealed against the items awarded by the trial judge. The first appellant had been referred to three specialist doctors. A year after the accident, the appellant was examined by Dr Hasnahbi and it was found that he had suffered severe injuries on his head, his left foot was weak; suffered from change of personality; needed assistance in his daily life and his injuries were permanent in nature. Two and a half years after the accident, the doctor appointed by the respondent ('Dr Vickneswaran') examined the first appellant and testified that there were several improvements. At the same time, the first appellant was treated by Dr Chee Wee Liam ('Dr Chee') between 2008 to 2011. Dr Chee had recorded the improvements in the first appellant's health. However, in this appeal, the first appellant relied on the report by Dr Hasnahbi and Dr Vickneswaran and disputed the fair amount for general damages, whether the trial judge had failed to give a separate award for the injuries suffered; the cost of care for the first year after the accident; loss of future earnings; and the costs for physiotherapy treatment.

Held, dismissing the appeal with costs of RM1,000:

(1) The report by Dr Chee was more accurate and detailed in explaining the injuries and the disabilities suffered by the first appellant. The specialist reports by Dr Vickneswaran and Dr Hasnahbi were prepared based on their examination on the first appellant only on the day fixed for the test. Therefore, it was appropriate that the specialist report by Dr Chee to be admitted and considered in priority in determining the quantum of damages which was proper for the first appellant. The trial judge had not erred and had not misdirected when admitting the specialist report by Dr

Chee in this case. Thus, the award of RM100,000 given by the trial judge to the first appellant in this case was reasonable, without error and ought to be sustained (see para 13).

(2) The trial judge had already taken into consideration the items and had not erred in allowing the award for quantum of general damages relying on the authority of the case of *Tan Cheong Poh & Anor v Teoh Ah Keow* [1995] 3 MLJ 89 where the Court of Appeal decided that the award for general damages must be given in lump sum without separating the residual and disability from the injuries suffered more so if there was overlap. Several items raised by the first appellant were overlapping with the main injuries (see para 17).

(3) It was not appropriate to allow any amount suggested by the claimant as the cost of care. The court still has the discretionary power to decide on what is reasonable amount for cost of care based on the facts and the circumstances of the case. Although one need cost of care, it does not mean that he is entitled to obtain any amount spent in the treatment of the patient. There must be a limit for damages which was based on the court's discretion to allow and it ought not to be arbitrarily allowed. The factor of the first appellant's need for care was the primary determining factor in the claim for cost of care (see para 27).

(4) The first appellant must strictly prove the claim that he had a job and had an earning from the same. The first appellant had failed to prove that on the date of accident, he had an income. The trial judge had taken into account that the first appellant was in employment in 2004 and 2005 and had granted RM50,000 as loss of future earnings. Therefore the calculation suggested by the first appellant could not be made as the amount of his monthly income on the date of the accident or before the accident could not be proven. The decision made by the trial judge was appropriate and the sum of RM50,000 which was given was a reasonable amount (see para 30).

(5) The evidence showed that the first appellant required the basic and extensive therapy and after three years of going through the basic and extensive therapy, the first appellant does not require the extensive therapy. Apart from that, the first appellant was also said to have been able to carry out the therapy on his own. Therefore, it was clear that the first appellant did not in fact require the physiotherapy for life. The first appellant was not bedridden and could move about on his own without assistance and this allowed smoother blood circulation. Therefore, the duration of six years decided by the trial judge was sufficient and reasonable (see para 32).]

Nota-nota

Untuk bagi kes-kes mengenai rayuan terhadap award yang diberikan, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 398–402

Kes-kes yang dirujuk

Azman bin Sakio & Anor v Kang Kok Tai [2010] 2 PIR 2 (dirujuk)
Baharuddin bin Sulong & Anor v Hiew Chong Choo [2008] 1 PIR 40 (dirujuk)
Chia Zi How & 2 Ors v Mohd Sabri bin Mohd Ali & Anor (Civil Suit No 53–1339 Tahun 2006) (tidak dilaporkan) (dirujuk)
Dirkje Peiternella Halma v Mohd Noor bin Baharom & Ors [1990] 3 MLJ 103 (dirujuk)
Ervina bte Tatam & Anor v Othman bin Baba [2008] 1 PIR 34 (dirujuk)
Hassan bin Sudin & Anor v Mohd Hailmi bin Othman & Anor (and Another Suit) [2010] 2 PIR 3 (dirujuk)
Jamil bin Harun v Yang Kamsiah & Anor [1984] 1 MLJ 217, PC (dirujuk)
Jeffrey Anak Enggut & Anor v Lee Mon Seng & Anor (MTJB No MT1–12–50 of 2007)(tidak dilaporkan) (dirujuk)
Lee Charm & 2 Ors v Moorthy a/l Annamalai & Anor [2011] 2 PIR 21 (dirujuk)
Mohd Herman bin Musa & Anor v Izam bin Sulaiman & Anor [2010] 2 PIR 59 (dirujuk)
Mohd Noor bin Ahmad v Ku Yung Siang & Anor [2008] 2 PIR 50 (dirujuk)
Mohd Yattim bin Baharom lwn Kerajaan Malaysia dan satu lagi [2010] 8 MLJ 662; [2009] 1 LNS 1448, MT (dirujuk)
Nazori bin Teh & Anor v Tay Lye Seng & Anor [1995] MLJU 154; [1995] 4 CLJ 740, MT (dirujuk)
Norazlan bin Abdul Rashid v Muhammad Fadzil bin Khamis sebagai Pentadbir Harta Pusaka Lim Yap Hoon (Si mati) [2010] 2 PIR 36 (dirujuk)
Ong Ah Long v Dr S Underwood [1983] 2 MLJ 324, MP (dirujuk)
Rozaini bin Ismail & Anor v Abdul Ghani bin Ibrahim [2008] 2 PIR 11 (dirujuk)
Sum Kum v Devaki Nair & Anor [1964] 1 MLJ 74, MP (dirujuk)
Suresh Rao a/l Subramaniam & Anor v Raman a/l Kasavan & Anor [2012] 2 PIR [64] (dirujuk)
Tan Cheong Poh & Anor v Teoh Ah Keow [1995] 3 MLJ 89; [1996] 3 CLJ 665, MR (diikut)
Tan Kim Chuan & Anor v Chandu Nair [1991] 2 MLJ 42, MA (dirujuk)
Voon Jan Choo v Lee Chie Siang & Anor [2007] 7 MLJ 77; [2007] 9 CLJ 242, MT (dirujuk)
Wong Won Bin v Ko Ming Jiet & Anor [2010] 2 PIR 77 (dirujuk)
Yang Salbiah & Anor v Jamil bin Harun [1981] 1 MLJ 292, MP (dirujuk)
Zamri bin Md Som & Anor v Nurul Fitriyaton Idawiyah binti Nahrawi [2001] MLJU 380; [2002] 1 CLJ 309, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Undang-Undang Sivil 1956 s 28A(2)(c)(i)

Punitha (Kala bersamanya) (Teo & Associates) bagi pihak perayu pertama.
Irka (Othman Hashim & Co) bagi pihak responden.

Kamardin Hashim H:

[1] Ini adalah rayuan perayu pertama yang tidak berpuashati terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen di Johor Bahru atas isu kuantum yang telah diawardkan melibatkan empat item berikut, iaitu:

(a) kuantum ganti rugi am;

(b) kos penjagaan;

(c) kehilangan upaya pendapatan masa akan datang; dan

(d) kos rawatan fisioterapi.

[2] Tuntutan perayu pertama terhadap responden adalah tertimbul akibat daripada satu kemalangan jalan raya yang berlaku pada 25 Ogos 2008.

[3] Hakim bicara telah membenarkan award-award seperti berikut bagi empat item tersebut; iaitu:

(a) ganti rugi am bagi *severe head injury with skull fracture or intracranial bleeding of subdural types (diffuse axonal injury) and fracture of left temporal and right mastoid bone* — RM100,000;

(b) kos penjagaan — sebelum bicara (RM450 x 12 x 3 tahun) — RM16,200, — selepas bicara (RM450 x 12 x 30 tahun) — RM162,000;

(c) kehilangan upaya pendapatan masa akan datang — RM50,000; dan

(d) kos rawatan fisioterapi — RM12,960.

[4] Setelah meneliti rekod rayuan dan membaca serta meneliti hujahan bertulis yang difailkan oleh kedua belah pihak serta ikatan autoriti yang dirujuk, saya berpuashati bahawa rayuan perayu pertama terhadap isu kuantum bagi empat item tersebut di atas adalah tidak bermerit. Rayuan perayu pertama telah ditolak dengan kos sebanyak RM1,000.

[5] Perayu pertama telah tidak berpuashati dan sekarang merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keseluruhan keputusan saya dalam menolak rayuan perayu pertama tersebut.

[6] Alasan-alasan bagi penolakan rayuan perayu pertama tersebut adalah

seperti berikut.

GANTI RUGI AM

[7] Akibat daripada kemalangan jalan raya tersebut perayu pertama telah mengalami kecederan-kecederan berikut:

(a) *Severe head injury with intracranial bleeding of subdural types (diffuse axonal injury);* dan

(b) *Fracture of left temporal and right mastoid bone.*

[8] Perayu pertama telah dirujuk kepada tiga orang doktor pakar iaitu Dr Vickneswaran, *Consultant Neuro Surgeon* dari Hospital Universiti, Petaling Jaya, Dr Hasnahbi Ahmad Jan, *Consultant Physician/Neurologist* dari Hospital Pakar Putri, Johor Bahru dan Dr Chee Wee Liam, *Neurologist Specialist* dari Hospital Pakar Pantai Ayer Keroh, Melaka. Dr Vickneswaran telah dilantik oleh pihak responden sendiri dan telah memeriksa perayu pertama pada 9 Mac 2011 iaitu lebih daripada dua setengah tahun selepas kemalangan. Beliau mengesahkan perayu pertama mengalami kehilangan upaya seperti berikut:

(a) *major changes in personality; becomes very temperamental and when angry he could become violent;*

(b) *impairment in his cognitive functioning;*

(c) *spasticity in all his limbs and on the left side, he was also weak this made ambulation clumsy;*

(d) *reduced sensation on the left side;*

(e) *visual field was constricted;* dan

(f) *he has repeated episodes of seizure.*

[9] Dr Hasnahbi Ahmad Jan telah menjalankan pemeriksaan terhadap perayu pertama pada 13 Ogos 2009 iaitu lebih kurang satu tahun selepas kemalangan dan beliau mendapati keadaan perayu pertama pada waktu itu sedang mengalami keadaan-keadaan berikut:

(a) *Mr Yee has severe head injury;*

(b) *he had weakness of left leg;*

(c) *he had personality changes;*

(d) *he laughed all the time;*

(e) *he needs assistance in daily living, thus staying in nursing home;* dan

(f) *his injuries is permanent.*

[10] Walau bagaimanapun terdapat perubahan (*improvement*) terhadap keadaan kecederaan dan kehilangan upaya yang dialami oleh perayu pertama di antara masa pemeriksaan yang dilakukan oleh Dr Hasnahbi Ahmad Jan dengan semasa pemeriksaan oleh Dr Vickneswaran. Dalam tempoh satu setengah tahun, terdapat perubahan kepada perayu pertama. Semasa pemeriksaan dilakukan oleh Dr Hasnahbi Ahmad Jan, perayu pertama dibawa dengan kerusi roda, *speech was slow and not fluent, memory was poor, he could not do simple spelling, calculation or reading, cannot walk, gait was spastic, leg was weak 3/5 and reflexes were brisk with extensor plantars tetapi MRI brains was normal.* Tetapi semasa pemeriksaan oleh Dr Vickneswaran, walaupun perayu pertama masih berkerusi roda namun terdapat banyak kemajuan seperti dinyatakan oleh Dr Vickneswaran seperti berikut:

Clinical Examination

General:

He was brought in a wheel chair;

He was neatly attired and was able to answer question coherently;

He was able to respond with wit,

'Q: Ada kerja sekarang?

A: Ya, makan dan tidur'; dan

He was able to open spontaneously, speak coherently and obey commands.

Emotional State:

Mood - good.

Affect - appropriate.

Language Pattern - slow but good.

Reading ability - good.

Able to write.

He was able to add, subtract and multiply.

Memory and concentration:

He scored 20/30 on Mini Mental State Examination.

Difficulties with orientation.

Difficulties in recall.

Able to follow instructions.

Able to write sentence.

Remote memory - good.

Retrograde/post traumatic amnesia - present.

Motor System

Very small spastic steps on the left side.

Reduced power of left limb by 20%.

Cerebellar Function

Normal

Others

He had left craniotomy scar.

Depressed right frontal burr hole.

Tracheostomy scar.

Patient was very determined in performing tasks.

[11] Peguambela bagi perayu pertama gagal untuk merujuk kepada laporan pakar yang telah disediakan oleh Dr Chee Wee Liam yang telah memeriksa dan membuat pemantauan secara berterusan terhadap kecederaan dan kehilangan upaya yang telah dialami oleh perayu pertama untuk tempoh bermula dari 25 Ogos 2008 sehinggalah pada bulan Januari 2011. Perayu pertama telah diwad dan dirawat oleh Dr Chee Wee Liam beberapa kali. Jadual di bawah dapat menunjukkan kemajuan dalam proses pemulihan perayu pertama yang dikendalikan oleh Dr Chee Wee Liam:

(i) Admission 28/8/2008 dan discharge 11/9/2008

- On examination, patient was aphasic.
- Right hameparesis of grade 2/5.
- Incontinence of urine and bowel.
- Dilated ventricals suggestive of hydrocephalus.
- MRI of the spine did not reveal any abnormalities.
- Patient was subjected to ventriculo-peritoneal shunt insertion followed by acrylic with dural repair.
- Post operatively, patient underwent intensive rehabilitation.
- Patient showed progressive neurological improvement.
- Patient was ambulate with assistance.

(ii) Admission 18/9/2008 dan discharge 10/10/2008

- Re admitted for intensive physiotherapy and rehabilitative care.

- At time of discharge, the patient was walking in a walking frame.

(iii) Seen on 13/11/2008

- Further neurological recovery and continue to walk in frame.
- Ventriculo-peritoneal shunt appeared functional.

(iv) Seen on 12/2/2009

- Further neurological recovery and continue to walk in frame.
- Ventriculo-peritoneal shunt appeared functional.

(v) Seen on 18/1/2011

- Patient walking independently.
- Alert and cheerfull.
- Able to engage in rational conversation.
- No longer on medication (the last was in October 2010).
- Patient was able to bath and eat by himself.
- Able to wear shoe and to write himself.
- Independent in his toilet habit.
- Emotional appeared very appropriate.
- Able to recall his address, IC number and home phone number.
- Able to grip with both hands with a power of 4+5 (90%).
- Ventriculo-paretoneal shunt appeared functional.
- Craniectomy site appeared healed completely.
- No neck or spine stiffness.
- With appropriate training, patient may be able to secure alternative occupations of lighter nature.
- Patient was placed in a nursing home because he is a bachelor and nobody could look after him at home.

[12] Berdasarkan kepada laporan pakar Dr Hasnahbi Ahmad Jan dan laporan pakar Dr Vickneswaran, peguambela bagi perayu pertama berhujah bahawa kecederaan kepala yang dialami oleh perayu pertama sangat serius. Peguambela berhujah jumlah RM200,000 adalah adil dan berpatutan sebagai ganti rugi am untuk perayu pertama. Peguambela tersebut telah bergantung kepada nas-nas berikut:

(a) *Chia Zi How & 2 Ors v Mohd Sabri bin Mohd Ali & Anor* (Civil Suit No 53–1339 Tahun 2006) di mana award RM200,000 telah disahkan oleh Mahkamah Rayuan. Dalam kes itu plaintif mengalami *severe head injury* dengan residual yang amat teruk sekali antaranya termasuklah *cerebral*

and cerebellar atrophy, legs are ataxic and loss of coordination and tremor in both hands, left upper neuron facial paresis, nystagmus to left, speech is slow, non fluent and dysartheric, poor memory and calculation poor, personality changed, wheel chair bound and was admitted to hospital for 63 days. Hujahan peguambela bahawa kecederaan serta disabiliti perayu pertama sama seperti dalam kes adalah tidak benar. Plaintif dalam kes itu mengalami kecederaan dan disabiliti yang jauh lebih serius daripada perayu pertama dalam kes di hadapan mahkamah ini. Tambahan lagi perayu pertama masih menerima rawatan dan keadaannya makin bertambah baik dari semasa ke semasa; dan

(b) *Ervina bte Tatam & Anor v Othman bin Baba* [2008] 1 PIR 34 telah diberikan RM300,000 bagi kecederaan *spastic diplegic cerevral palsy* sehingga menyebabkan *loss of amenities* serta *physical disablement* sepanjang hayat. Faktor umur plaintif serta inflasi turut di ambil kira oleh hakim mahkamah sesyen tersebut. Kes ini tidak sesuai dipertimbangkan oleh kerana kecederaan yang jauh berbeza dengan perayu pertama, perbezaan umur dan tambahan lagi ianya tidak mengikat mahkamah ini.

[13] Kemungkinan keadaan perayu pertama lebih teruk sebelum menerima rawatan lanjut dan berterusan yang telah diberikan oleh Dr Chee Wee Liam. Namun setakat pada 18 Januari 2011, keadaan perayu pertama telah menjadi jauh lebih baik. Pada tarikh tersebut perayu pertama boleh berjalan sendiri tanpa perlu lagi menggunakan *frame* atau tongkat. Beliau tidak lagi perlu mengambil ubat, boleh bertutur secara normal, boleh menguruskan hal beliau sendiri, daya ingatan telah pulih, kekuatan kakitangan telah 90% pulih dan bahawa beliau berupaya untuk melakukan kerja-kerja yang ringan. Semua faktor-faktor ini telah gagal diambil kira oleh peguambela perayu pertama dalam hujahan mereka. Laporan oleh Dr Chee Wee Liam adalah lebih tepat dan lebih terperinci menerangkan kecederaan dan disabiliti yang dialami oleh perayu pertama. Sedangkan laporan pakar oleh Dr Vickneswaran dan laporan pakar oleh Dr Hasnahbi Ahmad Jan telah disediakan berdasarkan kepada pemeriksaan mereka ke atas perayu pertama pada satu hari pertemuan yang dijanjikan sahaja. Oleh itu adalah wajar laporan pakar oleh Dr Chee Wee Liam diterima dan diambil kira keutamaannya dalam menentukan kuantum ganti rugi am yang wajar diberikan kepada perayu pertama. Hakim bicara tidak khilaf dan tidak tersalah arah apabila menerimapakai laporan pakar oleh Dr Chee Wee Liam dalam kes ini.

[14] Peguambela bagi responden telah merujuk kepada nas-nas berikut sebagai panduan di mana mahkamah ini mendapati kecederaan dan disabiliti yang dialami oleh plaintif-plaintif dalam nas-nas tersebut hampir sama dengan yang dialami oleh perayu pertama di sini. Nas-nas tersebut adalah:

(a) *Lee Charm & 2 Ors v Moorthy a/l Annamalai & Anor* [2011] 2 PIR 21 bagi *severe head injury with skull fracture and intracranial bleeding of subdural types* diberikan RM50,000;

(b) *Azman bin Sakio & Anor v Kang Kok Tai* [2010] 2 PIR 2 bagi severe head injury (*traumatic subarachnoid haemorrhage in the supratentorial area and diffuse exonal injury*) di berikan RM70,000;

(c) *Mohd Herman bin Musa & Anor v Izam bin Sulaiman & Anor* [2010] 2 PIR 59 bagi *severe head injury with intracranial bleeding of subdural and intraparenchyma haematoma (Grade IV diffuse axonal injury)* serta *disability* termasuk *change of behavior and emotional instability, impairment of recent and distal memory, poor comprehension and reasoning abilities, mind is in jumble and has difficulties giving the meanings of simple malay proverbs, mild left facial asymmetry, mild weakness of grip in the right hand, post traumatic cerebral athropy and slurring of speech* diberikan RM100,000;

(d) *Suresh Rao a/l Subramaniam & Anor v Raman a/l Kasavan & Anor* [2012] 2 PIR [64] bagi *severe head injury with extradural haemorrhage in the left and right periorbital region, intracranial bleeding of the extradural intraparenchyma/subarachnoid types and thin frontobasal haemorrhagic contusion dengan disability termasuk easily angered and irritable, lacks responsibility and shows indifference in desire to go to work, decreased hearing in both ears, loss of smell in both nostril and poor immediate memory, logical reasoning and calculation* diberikan RM100,000;

(e) *Wong Won bin v Ko Ming Jiet & Anor* [2010] 2 PIR 77 untuk *severe head injury with cerebral concussion, fracture of the left temporal bone, left orbital haematoma, laceration wound on the left frontal bone, left extradural haemorrhage with mess effect resulting in decline in performance in school* diberikan RM70,000;

(f) *Rozaini bin Ismail & Anor v Abdul Ghani bin Ibrahim* [2008] 2 PIR 11 untuk *compound fracture of the left frontal and parietal bone with traumatic infarct of the left cerebral hemisphere dengan disability termasuk speech impairment (dysphasia) and neurological deficits with post traumatic epilepsy* diberikan RM100,000;

(g) *Mohd Noor bin Ahmad v Ku Yung Siang & Anor* [2008] 2 PIR 50 untuk *severe head injury with skull fracture and intracranial bleeding of extradural types and diffuse axonal injury (Grade II)* diberikan RM65,000; dan

(h) *Baharuddin bin Sulong & Anor v Hiew Chong Choo* [2008] 1 PIR 40 untuk severe head injury resulting in the *plaintiff suffering from impaired attention span (immediate recall), impaired recent recall and some impairment of constructional ability (constructional apraxia) and left lower limb weakness and numbness* diberikan RM100,000.

[15] Setelah meneliti nas-nas yang dirujuk oleh kedua-dua belah pihak, saya

berpendapat bahawa award sebanyak RM100,000 yang telah diberikan oleh hakim bicara kepada perayu pertama dalam kes ini adalah munasabah, tanpa khilaf dan wajar dipertahankan.

[16] Peguambela bagi perayu pertama turut berhujah bahawa hakim bicara telah gagal untuk memberikan award secara berasingan bagi *loss of consciousness, left craniotomy scar and tracheostomy scar, lable temperament and embarrassment, epilepsy, soft tissue injury to the face dan loss of marriage prospect*. Peguambela terpelajar telah merujuk kepada beberapa nas di mana award berasingan telah dibenarkan. Nas-nas yang dirujuk adalah *Zamri bin Md Som & Anor v Nurul Fitriyaton Idawiyah binti Nahrawi* [2001] MLJU 380; [2002] 1 CLJ 309, *Yang Salbiah & Anor v Jamil bin Harun* [1981] 1 MLJ 292, *Jamil bin Harun v Yang Salbiah & Anor* [1984] 1 MLJ 217; *Mohd Yattim bin Baharom lwn Kerajaan Malaysia dan satu lagi* [2010] 8 MLJ 662; [2009] 1 LNS 1448. *Norazlan bin Abdul Rashid v Muhammad Fadzil bin Khamis sebagai Pentadbir Harta Pusaka Lim Yap Hoon (Si mati)* [2010] 2 PIR 36; *Hassan bin Sudin & Anor v Mohd Hailmi bin Othman & Anor (and Another Suit)* [2010] 2 PIR 3. Untuk *loss of consciousness* dihujahkan sebanyak RM10,000, untuk *left craniotomy scar and trascheostomy scar* dihujahkan sebanyak RM20,000, untuk *labile temperament and embarrassment* dihujahkan sebanyak RM6,000, untuk *epilepsy* dihujahkan sebanyak RM12,000, untuk *soft tissue injury to the face* dihujahkan sebanyak RM10,000 dan untuk *loss of marriage prospects* dihujahkan sebanyak RM10,000.

[17] Di dalam alasan penghakimannya, hakim bicara telah pun mengambil kira item-item yang dihujahkan oleh peguambela bagi perayu pertama semasa memberikan award untuk kuantum ganti rugi am. Hakim bicara telah bergantung kepada otoriti dalam kes *Tan Cheong Poh & Anor v Teoh Ah Keow* [1995] 3 MLJ 89; [1996] 3 CLJ 665 di mana Mahkamah Rayuan telah membuat keputusan bahawa award ganti rugi am hendaklah diberikan secara *lump sum* dengan tanpa mengasingkan residual dan *disability* daripada kecederaan yang telah dialami lebih-lebih lagi sekiranya terdapat pertindihan. Tidak dapat dinafikan beberapa item yang dibangkitkan oleh peguambela perayu pertama adalah item-item yang bertindih dengan kecederaan utama yang dialami oleh perayu pertama.

[18] Sememangnya terdapat *two school of taught* dalam isu pertindihan dan isu sama ada award secara *global lump sum* atau pun award secara berasingan. Hakim bicara telah menggunakan budi bicara untuk menerima pakai prinsip yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Tan Cheong Poh & Anor* dan beliau telah memberi alasan mengapa beliau berbuat demikian. Pada pandangan mahkamah ini bahawa hakim bicara tidak khilaf dalam membuat keputusan memilih prinsip dalam kes *Tan Cheong Poh & Anor* dalam

melaksanakan kuasa budi bicaranya.

KOS PENJAGAAN

[19] Untuk kos penjagaan, tidak dipertikaikan bahawa tempoh yang berhak dituntut (*multiplier*) oleh perayu pertama adalah 33 tahun iaitu tiga tahun untuk pra-perbicaraan dan 33 tahun untuk selepas perbicaraan. Untuk item ini hanya *multiplicand* dipertikaikan. Hakim bicara telah membenarkan *multiplicand* pada kadar RM450 sebulan untuk tiga tahun pra-perbicaraan berjumlah RM16,200 dan RM450 juga untuk tempoh selepas perbicaraan yang berjumlah RM162,000. Jumlah keseluruhan kos penjagaan yang dibenarkan adalah RM178,200.

[20] Peguambela bagi perayu pertama berhujah bahawa terdapat bukti yang menunjukkan kos penjagaan bagi tahun pertama adalah pada kadar RM5,000 sebulan dan untuk tahun kedua dan ketiga menunjukkan kos penjagaan pada kadar RM2,600 sebulan. Keterangan mengenai kos penjagaan telah dikemukakan oleh ibu kepada perayu pertama ('SP4') yang bekerja sebagai penoreh getah dengan pendapatan RM5,000 sebulan dan SP4 terpaksa berhenti kerja selama satu tahun untuk menjaga perayu pertama. Dihujahkan keterangan SP4 tidak dicabar. Oleh itu peguambela berhujah untuk tahun pertama perayu pertama sepatutnya diberikan RM60,000 untuk kos penjagaan bagi tahun pertama selepas kemalangan.

[21] Untuk tahun kedua dan ketiga, saksi SP4 menyatakan beliau telah dinasihatkan oleh doktor supaya menghantar anaknya ke pusat jagaan oleh kerana kesihatan dan usia SP4 yang tidak berupaya lagi untuk menjaga anaknya. SP4 menyatakan beliau terpaksa membayar keseluruhannya sejumlah RM2,600 setiap bulan kepada City Heart Care seperti ditunjukkan di dalam baucar-baucar bayaran yang dipersetujui. Oleh itu dihujahkan perayu pertama sepatutnya diberikan RM62,400 sebagai kos penjagaan untuk tahun kedua dan ketiga selepas kemalangan.

[22] Untuk baki tempoh 30 tahun selepas perbicaraan, peguambela berhujah terdapat keterangan menunjukkan bahawa perayu pertama perlu berada di City Heart Care untuk sepanjang tempoh 30 tahun tersebut pada kadar bayaran RM2,600 sebulan. Dihujahkan hakim bicara telah terkhilaf apabila hanya membenarkan RM450 sebulan untuk kos penjagaan iaitu bersamaan dengan kos bagi menggaji seorang pembantu rumah asing.

[23] Kos penjagaan adalah di bawah kategori ganti rugi khas. Undang-undang mantap adalah bahawa setiap ganti rugi khas hendaklah diplidkan dan dibuktikan dengan ketat (lihat *Ong Ah Long v Dr S Underwood* [1983] 2 MLJ 324 dan *Sum Kum v Devaki Nair & Anor* [1964] 1 MLJ 74).

Untuk membuktikan item ini, pihak perayu pertama telah memanggil saksi SP2 iaitu wakil dari pusat jagaan dan ibu perayu pertama (SP4) selain daripada bergantung kepada laporan-laporan doktor pakar. Saksi SP2 menyatakan beliau hanya berada bersama perayu pertama untuk tempoh selama lebih kurang 5–10 minit sahaja dalam satu hari dan selebihnya perayu pertama dijaga oleh seorang bernama Kasiman Wiranto. SP2 menyatakan beliau dibayar RM2,000 sebulan. SP2 bagaimanapun mengesahkan bahawa beliau bukan seorang jururawat yang bertauliah dan agensi beliau tidak berdaftar. SP4 pula bersetuju sebenarnya perayu pertama boleh dijaga di rumah dan tidak memerlukan profesional untuk menjaga anaknya.

[24] Persoalan yang paling penting adalah sama ada sebenarnya perayu pertama memerlukan penjagaan di pusat jagaan (*nursing home*). Daripada keterangan SP4 sendiri menunjukkan bahawa perayu pertama hanya memerlukan pertolongan dan jagaan yang *basic* semata-mata iaitu melibatkan makan dan minum, mandi, tukar pakaian dan tukar lampin. Keadaan ini adalah pada peringkat awal selepas kemalangan perayu pertama. Keadaan perayu pertama kemudiannya beransur pulih dan berupaya untuk menjaga diri beliau sendiri. Perkara ini disahkan oleh doktor pakar, Dr Chee Wee Liam. Oleh itu penjagaan perayu pertama boleh dilakukan sekiranya seorang pembantu rumah asing digajikan. Sama keadaannya semasa di rumah jagaan di mana pada hakikatnya beliau hanya dijaga oleh seorang pekerja warga Indonesia, Kasiman Wiranto sahaja. Perlu diingatkan bahawa pihak menuntut wajar mengambil tindakan untuk mengurangkan kerugiannya dalam tuntutan melibatkan ganti rugi khas.

[25] Dr Chee Wee Liam mengesahkan bahawa keadaan perayu pertama telah bertambah pulih dan tidak lagi perlukan sebarang ubatan. Perayu pertama boleh berjalan dengan sendiri dan tidak memerlukan penjagaan di pusat penjagaan. Malahan disahkan perayu pertama berupaya untuk melakukan kerja-kerja ringan. Itu semua adalah keadaan terakhir perayu pertama pada Januari 2011. Keadaan perayu pertama terus bertambah baik selepas tarikh itu.

[26] Di dalam kes *Nazori bin Teh & Anor v Tay Lye Seng & Anor* [1995] MLJU 154; [1995] 4 CLJ 740, di mana dalam keadaan plaintif tidak berupaya untuk mengerakkan tangan dan kakinya hanya dibenarkan separuh kos penjagaan pada kadar RM200 sebulan. Di dalam kes *Voon Jan Choo v Lee Chie Siang & Anor* [2007] 7 MLJ 77; [2007] 9 CLJ 242, plaintif yang mengalami kepatahan tulang belakang hanya diberikan RM350 sebulan untuk kos menggaji seorang pembantu warga Indonesia. Di dalam kes *Tan Cheong Poh & Anor* pula dibenarkan RM350 sebulan untuk menggaji seorang pembantu dalam keadaan plaintif mengalami masalah dalam koordinasi kaki tangan beliau. Dalam kes di hadapan mahkamah sekarang perayu pertama tidak

memerlukan penjagaan sepenuh masa. Adalah memadai hanya untuk menggaji seorang pembantu rumah warga asing yang purata gaji sebulan mereka dalam lingkungan RM450 pada masa kes ini diputuskan oleh hakim bicara. Oleh itu keputusan hakim bicara memutuskan *multiplicand* pada kadar RM450 sebulan untuk penjagaan kepada perayu pertama untuk tempoh 33 tahun adalah wajar.

[27] Mahkamah ini berpandangan bahawa tidak wajar untuk membenarkan apa sahaja jumlah yang dilontarkan oleh pihak menuntut sebagai kos penjagaan. Mahkamah masih mempunyai kuasa budi bicara untuk menentukan apakah jumlah yang munasabah untuk kos penjagaan berdasarkan fakta dan keadaan dalam kes tertentu. Walaupun seseorang itu memerlukan kepada kos penjagaan, tidak bermakna beliau berhak untuk mendapatkan apa sahaja jumlah yang dibelanjakan demi untuk menyembuhkan pesakit tersebut. SP4 mendakwa pendapatan beliau RM5,000 sebulan tidak dibuktikan dengan ketat. Tidak bermakna jumlah RM5,000 sebulan secara automatik boleh dibenarkan. Sekiranya seorang ibu berpendapatan RM50,000 sebulan dan terpaksa berhenti kerja untuk menjaga anaknya adakah mahkamah wajar memberikan RM50,000 sebulan untuk kos penjagaan? Tentunya ada had untuk sesuatu ganti rugi yang berasaskan kepada budi bicara mahkamah untuk membenarkannya dan tidak seharusnya dibenarkan dengan sewenang wenangnya. Faktor keperluan perayu pertama kepada penjagaan adalah faktor penentu utama dalam tuntutan untuk kos penjagaan. Faktor ini telah diambil kira oleh hakim bicara dalam membenarkan RM450 sebulan untuk kos penjagaan dalam kes ini. Pada pandangan mahkamah keputusan hakim bicara tidak terkhilaf dalam keadaan kes ini.

KEHILANGAN UPAYA PENDAPATAN MASA AKAN DATANG

[28] Hakim bicara telah membenarkan RM50,000 untuk kehilangan upaya pendapatan masa akan datang berdasarkan kepada keputusan dalam kes *Dirkje Peiternella Halma v Mohd Noor bin Baharom & Ors* [1990] 3 MLJ 103. Peguambela bagaimanapun berhujah berdasarkan kes tersebut jumlah kehilangan upaya pendapatan masa akan datang hendaklah dikira berdasarkan kepada *meltiplicant x multiplier (number of years purchase)*. Peguambela berhujah bahawa perayu pertama mempunyai pekerjaan sebagai tukang kayu sebelum kemalangan berpendapatan RM1,004.20 sebulan berdasarkan kepada caruman bulanan KWSP RM90.38 sebulan (9% daripada gaji sebenar). Oleh itu dihujahkan RM1,004.20 sebulan untuk 16 tahun berjumlah RM192,806.40 sebagai kehilangan upaya pendapatan masa akan datang kepada perayu pertama. Peguambela bergantung kepada keputusan YA

Hakim Vernon Ong dalam kes *Jeffrey Anak Enggut & Anor v Lee Mon Seng & Anor* (MTJB No MT1–12–50 of 2007) dan *Tan Kim Chuan & Anor v Chandu Nair* [1991] 2 MLJ 42.

[29] Tuntutan untuk kehilangan upaya pendapatan masa akan datang diperuntukkan di bawah s 28A(2)(c)(i) Akta Undang-Undang Sivil 1956 yang berbunyi seperti berikut:

> (c) In awarding damages for loss of future earnings the Court shall take into account —
>
> (i) That in the case of a plaintiff who has attained the age of fifty five years or above at the time when he was injured, no damages for such loss shall be awarded; and in any other case, damages for such loss shall not be awarded unless it is proved or admitted that the plaintiff was in good health but for the injury and was receiving earnings by his own labour or other gainful activity before he was injured;

[30] Perayu pertama hendaklah membuktikan tuntutan ini dengan kukuh dan ketat bahawa beliau mempunyai pekerjaan dan pendapatan daripadanya. Perayu pertama gagal membuktikan bahawa pada tarikh kemalangan iaitu pada 25 Ogos 2008 beliau mempunyai pendapatan. Ini diakui sendiri oleh peguambela perayu pertama. Bagaimanapun peguambela perayu pertama telah berhujah berdasarkan kepada fakta bahawa perayu pertama bekerja sebagai tukang kayu di Kuala Lumpur dalam tahun 2004–2005 dan berdasarkan kepada caruman KWSP, peguambela berhujah pendapatan perayu pertama dalam tahun 2004–2005 sekitar RM1,004.20 sebulan. Hakim bicara telah mengambil kira perayu pertama pernah bekerja dalam tahun 2004–2005 dan telah membenarkan RM50,000 sebagai kehilangan upaya pendapatan masa akan datang. Oleh itu pengiraan yang disyorkan oleh peguambela perayu pertama sebagaimana diputuskan dalam kes *Dirkje* tidak dapat dilakukan oleh kerana perayu pertama gagal membuktikan dengan tepat jumlah pendapatan bulanan beliau pada tarikh kemalangan atau sebelum kemalangan. Pada pandangan mahkamah ini, keputusan yang diambil oleh hakim bicara tersebut adalah wajar dan jumlah RM50,000 yang diberikan adalah satu angka yang munasabah.

KOS RAWATAN FISIOTERAPI

[31] Peguambela bagi perayu pertama berhujah hakim bicara telah membuat spekulatif apabila membenarkan kos rawatan fisioterapi untuk tempoh selama enam tahun sahaja. Dihujahkan sepatutnya dibenarkan untuk tempoh 33 tahun memandangkan hakim bicara telah membenarkan kos penjagaan selama tempoh 33 tahun. Hakim bicara juga dihujahkan khilaf apabila membenarkan kos fisioterapi pada kadar RM15 setiap sesi untuk 12 sesi sebulan bagi tempoh

enam tahun berjumlah RM12,960 sahaja. Kes perayu ketiga menuntut item ini berdasarkan kepada keterangan saksi SP3, seorang fisioterapi daripada JB physiotherapist. Menurut SP3 perayu pertama memerlukan rawatan fisioterapi tiga kali seminggu (12 kali sebulan) sepanjang hayat untuk mengelakkan sendi-sendi menjadi kaku (*stiff*). Oleh itu peguambela perayu pertama berhujah jumlah RM15 setiap sesi untuk 12 sesi sebulan bagi tempoh 33 tahun berjumlah RM71,280 wajar dibenarkan.

[32] Saksi SP3 dalam keterangannya menjelaskan bahawa perayu pertama memerlukan terapi asas dan terapi ekstensif. SP3 mengakui selepas tiga tahun menjalankan terapi asas dan terapi ekstensif, perayu pertama tidak lagi memerlukan terapi ekstensif. Selain itu perayu pertama juga dikatakan telah boleh menjalankan terapi secara bersendirian. Oleh itu jelas bahawa perayu pertama sebenarnya tidak memerlukan fisiterapi sepanjang hayat beliau. Perayu pertama bukanlah dalam keadaan 'bedridden'. Perayu pertama boleh bergerak ke sana dan ke sini dengan sendiri tanpa perlu pertolongan orang lain dan ini membolehkan peredaran darah dengan lebih lancar. Oleh itu tempoh enam tahun yang diputuskan oleh hakim bicara adalah memadai dan berpatutan.

KONKLUSI

[33] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dihuraikan di atas, saya mendapati tiada merit dalam rayuan perayu pertama atas empat item yang dibangkitkan dalam rayuan beliau. Oleh itu saya menolak rayuan perayu pertama di sini dengan kos yang ditetapkan sebanyak RM1,000.

Rayuan ditolak dengan kos sebanyak RM1,000.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor